PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 MAY 2015

Pemilihan Wan Azizah kerana PKR parti milik keluarga

PULAU PINANG 30 April - Pemilihan semula Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh bukan mengejutkan kerana Parti Keadilan Rakyat (PKR) merupakan parti milik keluarga Presiden PKR berkenaan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad **(gambar)** berkata, penubuhan PKR juga bukan berasaskan parti politik sebaiiknya bertujuan menyokong keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Jadi keluarga Anwar perlu berada di sana (Parlimen Permatang Pauh) sepanjang masa,M katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas program Bicara Bersama Negarawan anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di sini, yang dihadiri lebih 2,000 orang terdiri daripada penuntut dan warga USM.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir mengulangi keyakinannya terhadap peluang calon Barisan Nasional (BN), Suhaimi Sabudin merampas kerusi Parlimen berkenaan daripada PKR pada 7 Mei ini.

Menurutnya, meskipun tidak mengenali Suhaimi secara peribadi, namun beliau menyifatkan calon BN itu sebagai seorang yang 'baik' dan yakin akan mendapat sokongan rakyat.

Tambah beliau, peluang untuk BN memenangi kerusi itu juga cerah melihat kepada pergolakan dalaman antara PKR, DAP dan Pas berhubung pelaksanaan hukum hudud.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahathir berkata, beliau sedia bertemu dengan ahli-ahli UMNO sekiranya diminta untuk menjelaskan segala kritikan yang dibuat terhadap kerajaan sebelum ini.

Menurutnya, adalah penting untuk ahli UMNO mendengar penjelasan daripada kedua-dua belah pihak untuk membuat pertimbangan secara adil dan bijak.

"Tetapi saya tidak diberi peluang untuk bercerita kenapa saya membuat tindakan (kritikan), jadi ramai yang tidak faham.

"Jika saya tidak diberi peluang untuk bercakap, maka semua akan menolak pendapat saya," katanya.